

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [JERLUN]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan insentif-insentif yang boleh dimanfaatkan, baik oleh Kerajaan Negeri maupun agensi-agensi negeri dalam menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui di negeri masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Industri teknologi hijau telah dikenalpasti sebagai pemangkin ekonomi negara dan sekaligus menyumbang kepada sumber kekayaan negara. Kerajaan giat melaksanakan pelbagai inisiatif hijau bagi menyokong perkembangan dan kemajuan aplikasi teknologi hijau seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara yang mapan.
  
2. Dalam usaha untuk memperluaskan penggunaan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui di negeri masing-masing, insentif-insentif berikut boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri:-

Bil.	Insentif	Manfaat
i.	<p><b><u>Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 2.0)</u></b></p> <p>Merupakan skim pinjaman mudah dengan peruntukan had pembiayaan sebanyak RM2 bilion di bawah Bajet 2019 yang bertujuan untuk menyokong perkembangan industri berdasarkan Teknologi Hijau tempatan.</p>	<p>a) pelaksanaan projek-projek teknologi hijau seperti tenaga boleh baru, kecekapan tenaga, bangunan, sisa, air, pengangkutan dan pembuatan melalui kerjasama/penglibatan pihak swasta secara <i>public private partnership (PPP)</i>;</p>
ii.	<p><b><u>Pengecualian Cukai Pelaburan (GITA- Projek &amp; Aset)</u></b> Syarikat-syarikat yang membeli aset yang disenaraikan di bawah Direktori MyHijau dan Syarikat-syarikat yang menjalankan projek teknologi hijau (<i>qualified green technology projects</i>). layak memohon.</p> <p>Pengecualian Cukai Pelaburan (GITA- Aset) Syarikat-syarikat yang membeli asset dan yang disenaraikan di bawah Direktori MyHijau layak memohon.</p>	<p>b) pelaksanaan projek-projek teknologi hijau yang dijalankan oleh syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri turut layak bagi pembiayaan di bawah skim dan insentif pengecualian cukai ini; dan</p> <p>c) peningkatan aktiviti ekonomi tempatan serta mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada rakyat.</p>
iii.	<p><b><u>Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE)</u></b></p> <p>Syarikat-syarikat perkhidmatan teknologi hijau yang disenaraikan dalam Direktori MyHijau layak memohon.</p>	

Sekian, terima kasih